

**Malaysia Selesai Tugas Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Ketiga Di PBB Dengan Jayanya Bernama  
6 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Malaysia telah menyimpulkan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Sosial, Kemanusiaan dan kebudayaan, biasanya dirujuk sebagai Jawatankuasa Ketiga, pada sesi ke-66 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Selasa.

Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Datuk Hussein Haniff menyerahkan tugas itu kepada Wakil Tetap Suriname ke PBB, Henry L. Mac-Donald bagi sesi ke-67 Perhimpunan Agung PBB yang bermula 18 Sept ini.

Sepanjang tempoh mempengerusikan Jawatankuasa Ketiga itu, sebanyak 13 agenda mewakili 22 perkara kecil dipertimbangkan termasuk perkara berkaitan dengan pelbagai isu sosial, hal ehwal kemanusiaan dan hak asas manusia yang memberi kesan kepada semua masyarakat dunia, menurut kenyataan Wisma Putra di sini Rabu.

Jawatankuasa itu juga membincangkan kemajuan wanita, perlindungan kanak-kanak, isu pribumi, rawatan bagi pelarian, menggalakkan kebebasan asasi menerusi penghapusan diskriminasi perkauman dan hak penentuan nasib sendiri.

Jawatankuasa itu juga menangani persoalan pembangunan sosial yang penting seperti isu berkaitan dengan belia, keluarga, penuaan, orang kurang upaya, pencegahan jenayah, keadilan jenayah dan kawalan dadah antarabangsa.

Semasa Malaysia memegang tampuk pengerusi, Hussein mempengerusikan 50 mesyuarat yang mana jawatankuasa itu menimbang sejumlah 67 draf resolusi dengan 66 daripadanya diterima pakai berbanding jumlah resolusi yang dikendalikan oleh jawatankuasa utama yang lain.

Malaysia telah menyampaikan sejumlah 11 kenyataan di bawah pelbagai agenda termasuk pembangunan sosial, kemajuan wanita dan laporan majlis hak asasi manusia.

Tujuh kenyataan dibuat dalam kapasiti negara kita manakala tambahan empat disampaikan bagi pihak Asean, kata kenyataan itu.

Di bawah pimpinan Hussein sebagai pengerusi Jawatankuasa Ketiga, ia telah meningkatkan kedudukan Malaysia dalam kalangan negara-negara anggota PBB dan meningkatkan profil Malaysia di PBB yang akan memberi manfaat kepada pencalonan negara di pelbagai badan PBB di masa depan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692356>